



CONFERENCE PROCEEDING

ICITSBE 2012

**1ST INTERNATIONAL CONFERENCE ON INNOVATION
AND TECHNOLOGY FOR
SUSTAINABLE BUILT ENVIRONMENT**

16 -17 April 2012



Organized by:
Office of Research and Industrial
Community And Alumni Networking
Universiti Teknologi MARA (Perak) Malaysia
www.perak.uitm.edu.my

PAPER CODE: UP 27

KUALITI HIDUP PENDUDUK FELDA DI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA

Ezhwan Nur Arshad, Firdaus Ismail, Wan Zahari Wan Yusoff and Azmi Khames
Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
Parit Raja, Batu Pahat 86400, Johor, Malaysia
ezhwanurashad@yahoo.com.my

Abstrak

Kualiti hidup adalah perubahan dalam masyarakat dan sistem hidup daripada satu keadaan yang dianggap tidak memuaskan kepada satu keadaan yang lebih baik; ia merangkumi bukan sahaja pembangunan ekonomi, malahan juga melibatkan pelbagai aspek tertentu yang tidak dapat dipisahkan seperti aspek sosial, psikologi, kebudayaan, politik dan alam sekitar. Kemajuan sesebuah penempatan boleh diukur berdasarkan kualiti hidup penduduk yang bertambah baik. Wilayah Iskandar Malaysia merupakan sebuah penempatan yang kian pesat membangun. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kualiti hidup penduduk dalam Wilayah Iskandar Malaysia. Skop kajian adalah penduduk di penempatan Felda dalam sempadan Wilayah Iskandar Malaysia. Penduduk Felda adalah antara penduduk yang menerima impak paling ketara dalam pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia. Pembelajaran terhadap model-model pengukuran kualiti hidup khususnya model pengukuran kualiti hidup sesebuah penempatan akan diselidik secara teliti bagi menghasilkan sebuah kerangka yang sesuai terhadap pengukuran kualiti hidup penduduk di Wilayah Iskandar Malaysia. Dengan adanya kajian ini, pengukuran kualiti hidup penduduk di wilayah tersebut dapat dilaksanakan; seterusnya dapat mengetahui sama ada pembangunan Iskandar Malaysia memberi kesan yang positif kepada penduduk wilayah tersebut atau sebaliknya. Metodologi kajian adalah berbentuk kaedah tinjauan, iaitu mengedarkan borang soal selidik serta menemubual responden untuk memperolehi data primer. Untuk memperolehi data skunder pula, maklumat akan diperolehi daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Jabatan Perangkaan Negeri Johor serta jabatan-jabatan lain yang berkaitan. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan pendekatan kuantitatif. Data-data tersebut dianalisis dengan perisian SPSS seterusnya menganalisis kaedah pengiraan indeks kualiti hidup. Adalah diharapkan kajian ini dapat mengenalpasti semua aspek permasalahan, kehendak dan keperluan penduduk dalam mengharungi era pembangunan Iskandar Malaysia. Satu dasar panduan akan diwujudkan dalam usaha meningkatkan taraf kualiti hidup penduduk di Wilayah Iskandar Malaysia.

Kata Kunci : Kualiti hidup, penduduk Felda, Pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia.

Abstract

Quality of life is one of a change situation in society towards better condition that covers not only economic development but also involves other aspects such as social, psychological, cultural, political and environment. Development in an area can be measured by the improvement in quality of life. Wilayah Iskandar Malaysia is one of developing rapid province. This study aims to identify the quality of life in Wilayah Iskandar Malaysia population and the scope of study covers the Felda settlers within the boundaries of Wilayah Iskandar Malaysia. The Felda settlers are selected in this study since they received the most significant impact in the development of Iskandar Malaysia. In order to produce a suitable framework, the measurement models, particularly the assessment of quality of life measurement is used in this study. It is purposely conducted to determine whether the development of Iskandar Malaysia have a positive impact to the county or otherwise. The methodology of the study used questionnaire's distribution and interview to the respondents to obtain primary data. To obtain secondary data obtained, the information is obtained from the Johor State Economic Planning Unit, Department of Statistics, Johor and other relevant department. The data is analyzed using a quantitative approach by using SPSS software. It is hoped that this study able to identify all aspects and population needs and introduce a standard guideline towards improvement in quality of life in Wilayah Iskandar Malaysia.

Keywords: Quality of life, Felda population, Development of Iskandar Malaysia

1. Pengenalan

Wilayah Iskandar Malaysia merupakan salah satu projek mega kerajaan yang dirangka dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Projek mega ini merupakan sebuah koridor pembangunan antara bandar untuk mewujudkan sebuah konurbasi bandar yang bertaraf antarabangsa. Pembangunan ini dilihat mampu untuk membawa arus perubahan kepada sektor pembangunan dan ekonomi di Malaysia. Wilayah Iskandar Malaysia terletak di kawasan selatan semenanjung Malaysia iaitu di dalam negeri Johor dengan keluasan 2,217km persegi dan melibatkan 3 buah daerah iaitu Johor Bharu, Kulai dan Pontian. Kepadatan penduduk di dalam kawasan Wilayah Iskandar Malaysia ini adalah 1.4 juta penduduk.

Matlamat utama Iskandar Malaysia adalah menjadi satu pusat agensi yang menyediakan persekitaran fasilitatif untuk pelabur dan pengguna. Kerajaan persekutuan bekerjasama dengan kerajaan negeri berperanan menyediakan kemudahan yang mesra pelabur dari segi imigresen, cukai, pendidikan, tanah, dan perhubungan dengan pihak berkuasa tempatan. Kajian ini akan mengkaji sejauhmana usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dalam menjayakan projek pembangunan ini serta kesannya terhadap kualiti hidup penduduk asal yang mendiami kawasan tersebut.

Antara teras utama dalam mereka dasar pembangunan fizikal di Wilayah Iskandar Malaysia adalah kualiti hidup penduduk di kawasan pembangunan tersebut (Khazanah Nasional, 2006). Pelbagai pihak telah melahirkan kebimbangan terhadap pembangunan di Wilayah Iskandar Malaysia terutamanya dalam konteks kepentingan penduduk asal di wilayah tersebut. Pembangunan di Wilayah Iskandar Malaysia merupakan satu peluang kepada penduduk asal di wilayah tersebut untuk memajukan diri dan bukan ancaman terhadap mereka (Firdaus, 2008). Timbul persoalan sejauh mana pembangunan Iskandar Malaysia mampu membawa bersama peningkatan taraf kualiti hidup penduduk tempatan seiring dengan usaha pelaksanaan pembangunan wilayah tersebut.

Wilayah Iskandar Malaysia adalah sebuah lokasi yang akan menjadi tumpuan kepada pelabur asing untuk melabur dan hidup di wilayah tersebut. Usaha kerajaan untuk tidak meminggirkan penduduk asal di dalam wilayah tersebut adalah memastikan taraf kualiti hidup penduduk asal meningkat dan memperoleh kelebihan daripada pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia. Kajian ini akan mengkaji model yang sesuai untuk mengukur kualiti hidup penduduk asal, seterusnya dapat mengukur kualiti hidup mereka dan sekaligus dapat menilai dan memerhatikan apakah kehendak, keperluan dan permasalahan penduduk asal dalam penerimaan mereka terhadap pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia ini.

2. Objektif Kajian

- a. Menentukan model pengukuran kualiti hidup di Wilayah Iskandar Malaysia.
- b. Mengukur kualiti hidup penduduk di Wilayah Iskandar Malaysia.
- c. Membentuk dasar panduan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk di Wilayah Iskandar Malaysia.

3. Metodologi Kajian

Bab metodologi kajian mengemukakan kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk melaksanakan kajian. Dalam kajian ini, terdapat dua data penting yang perlu diperolehi untuk melaksanakan kajian ini iaitu data primer dan data sekunder.

i. Data Primer.

Data primer diperolehi hasil daripada maklumat yang diberi oleh responden iaitu penduduk penempatan Felda. Kaedah yang akan digunakan adalah kaedah tinjauan yang mengimplimentasikan instrumen borang soal selidik (menggunakan kertas dan pensil atau melalui media elektronik) dan temu bual (temu bual melalui telefon, temu bual semuka, temu bual kumpulan dan sebagainya.)

ii. Data Sekunder

Data sekunder adalah maklumat-maklumat sedia ada yang akan digunakan untuk mengukur kualiti hidup penduduk Felda. Berikut adalah senarai tempat-tempat untuk mendapatkan maklumat tersebut:

- Pihak Berkuasa Tempatan Wilayah Iskandar
- Unit Pentadbiran Felda Wilayah Johor Bharu
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor
- Unit Perancang Ekonomi Malaysia
- Jabatan Perangkaan Negeri Johor

iii. Data analisis:

- Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan pendekatan kuantitatif.
- Data-data tersebut dianalisis dengan perisian SPSS.
- Menganalisis kaedah pengiraan indeks kualiti hidup Malaysia.

4. Skop kajian

Mengfokuskan kepada penduduk penempatan Felda di dalam Wilayah Iskandar Malaysia. Ini adalah kerana penduduk Felda merupakan kumpulan yang lebih menerima impak daripada pembangunan ini berikutan penempatan Felda yang berada di kawasan pedalaman dan jauh daripada bandar. Berikut adalah jadual yang menunjukkan kawasan penempatan dan bilangan isi rumah peneroka Felda yang terdapat dalam Wilayah Iskandar Malaysia:

Jadual 1: Bilangan isi rumah peneroka Felda dalam Wilayah Iskandar Malaysia

Bil	Rancangan FELDA	Luas Kawasan (Hektar)	Bilangan Peneroka (P)	Bil. Isi rumah Peneroka Purata(P x 5)
1.	Taib Andak	2,901.82	620	3100
2.	Pasir Raja	1,685.55	415	2075
3.	Ulu Tebrau	2,680.65	669	3345
4.	Sungai Tiram	148.27	96	480
5.	Bukit Besar	1669.98	409	2045
6.	Bukit Ramun	1,123.10	323	1615
7.	Penggeli Timur	1,868.51	460	2300
8.	Sungai Sibol	1,671.69	411	2055
9.	Sungai Sayong	1,638.67	399	1995
10.	Inas Utara	1,107.24	264	1320
Jumlah		16,495.48	4066	20,330

Sumber : Unit Pentadbiran Felda Wilayah Johor Bahru, 2011

5. Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan akan memberi manfaat kepada beberapa prespektif seperti berikut :

5.1 Penduduk Felda di Wilayah Iskandar Malaysia

Dengan adanya kajian ini, penduduk Felda dapat mengetahui tahap kualiti hidup mereka, seterusnya berusaha untuk maju bersama pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia supaya mereka tidak terpinggir dan ketinggalan. Dapat mengetahui hak yang penduduk Felda miliki untuk menyuarakan kehendak dan permasalahan.

5.2 Agensi Kerajaan


Antara agensi kerajaan yang beroleh manfaat dari kajian ini adalah antaranya Felda, Pihak Berkuasa Tempatan Iskandar Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi. Kajian ini dapat mengetahui tahap kualiti hidup penduduk di kawasan tersebut, ia akan menjadi rujukan kepada pihak kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup penduduk di dalam Wilayah Iskandar Malaysia.

5.3 Pengkaji

Hasil daripada kajian, tahap kualiti hidup penduduk Felda di Wilayah Iskandar Malaysia ketika ini dapat diketahui, oleh yang demikian untuk satu jangka masa akan datang kajian yang sama boleh dibuat dan boleh dibandingkan dengan tahap kualiti hidup yang telah diperolehi. Perbezaan tersebut akan menunjukkan perubahan atau tidak dalam tahap kualiti hidup penduduk tersebut.

6. Kajian Literatur

6.1 Pemahaman Tentang Kualiti Hidup



Rajah 1: Pemahaman Tentang Kualiti Hidup


Secara amnya, kualiti boleh diterjemahkan sebagai peringkat kebaikan sesuatu barang atau sesuatu perkara. Oleh itu dalam memahami maksud kualiti hidup terdapat pelbagai definisi menyatakan tentang kualiti hidup. Namun begitu terdapat hubungkait di antara kualiti hidup dengan pemahaman tentang taraf hidup, gaya hidup dan kepuasan hidup.

Memahami konsep taraf hidup seseorang yang mengambil kira bukan sahaja taraf hidup kebendaan tetapi juga mengambil kira aspek kehidupan secara menyeluruh seperti masa lapang, keselamatan, sumber budaya, kehidupan sosial, kesihatan fizikal, isu kualiti persekitaran, dan sebagainya. Istilah gaya hidup pada asalnya dicipta oleh ahli psikologi Austria, Alfred Adler, pada 1929. Pengertiannya yang lebih luas, sebagaimana difahami pada hari ini, mula digunakan sejak 1961. Dalam bidang sosiologi, gaya hidup ialah cara bagaimana seseorang hidup. Gaya hidup ialah kumpulan ciri tingkah laku yang bererti kepada kedua-dua orang-orang lain dan diri sendiri dalam sesuatu masa dan tempat, termasuk hubungan sosial, penggunaan, hiburan, dan pakaian. Tingkah laku dan amalan dalam gaya hidup merupakan campuran tabiat, cara lazim membuat sesuatu, serta tindakan berdasarkan logik. Gaya hidup biasanya membayangkan sikap, nilai, dan pandangan dunia seseorang. Oleh itu gaya hidup ialah cara untuk memupuk konsep sendiri serta mencipta simbol kebudayaan yang menggemakan identiti peribadi. Namun bukan semua aspek gaya hidup bersifat sukarela pada sepenuhnya. Sistem-sistem sosial dan teknikal di sekeliling boleh menyekat pilihan gaya hidup serta simbol yang dapat digunakan untuk menonjolkan gaya hidup kepada orang-orang lain dan diri sendiri.

Seorang penulis telah mengatakan di dalam suatu kajian iaitu kualiti hidup boleh didefinisikan sebagai satu keluasan dimana tahap kepuasan seseorang individu adalah berkadar positif dengan kesejahteraan. Konsep kualiti hidup melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem sosial daripada keadaan yang dianggap tidak memuaskan kepada keadaan yang lebih baik. Kualiti hidup merangkumi bukan sahaja pembangunan ekonomi tetapi meliputi juga aspek sosial, psikologi, kebudayaan, politik dan alam sekitar.

Definisi kualiti hidup merangkumi kemajuan seseorang individu, gaya hidup yang sihat, kebebasan memperoleh dan mengikuti ilmu pengetahuan, dan satu piawai hidup yang memenuhi kehendak asas untuk mencapai keadaan sosialisma yang baik bersesuaian dengan matlamat negara (Unit Perancangan Ekonomi, 1999). Ferran's (1990) memberi pandangan bahawa kualiti hidup mempunyai beberapa konsep atau isu yang boleh dikenalpasti dan dibahagikan kepada lima kategori. Kategori-kategori ini memfokuskan kepada (i) keupayaan untuk hidup dalam kehidupan yang biasa, (ii)kegembiraan atau kepuasan, (iii) pencapaian ke arah matlamat, (iv) keupayaan untuk mendorong ke arah kehidupan sosial yang lebih berguna dan (v) kemampuan fizikal dan mental.

Kajian yang dilakukan oleh Grant et al. (1994) menekankan keperluan kepada definisi pelbagai dimensi untuk kualiti hidup. Kajian ini telah mengenalpasti kualiti hidup terdiri daripada empat dimensi atau domain iaitu (i) kesejahteraan fizikal, (ii)kesejahteraan psikologi, (iii)kesejahteraan sosial dan (iv)kesejahteraan agama.



Rajah 2: Dimensi untuk kualiti hidup
Sumber : TAC Social Issues Subcommittee, 2004

Mengikut World Health Organization (1993), kualiti hidup didefinisikan sebagai tanggapan individu mengenai posisi kehidupan mereka dalam konteks budaya dan sistem di mana ia berhubung rapat dengan matlamat, jangkaan, tahap dan beban. Lehman (1983) melihat kualiti hidup sebagai deria terhadap pengalaman terbaik yang dialami oleh individu di bawah pengaruh kehidupan masing-masing. Menurut Bigelow et al. (1982), kualiti hidup ialah titik pemisahan di mana ia menyatukan semua faktor dalam kehidupan di mana kita akan mendapati bahawa terdapat kekurangan dan kelebihan dalam keinginan dan kepuasan.


Renwick (2006) mengatakan kesejahteraan hidup merupakan sesuatu perkara yang menyebabkan seseorang merasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya amat bermakna. Muhamad Fadhil (2003) dalam bukunya pula menghuraikan kesejahteraan hidup pada hakikatnya adalah usaha untuk mengatasi masalah dan meningkatkan kualiti hidup manusia sehingga berada dalam keadaan hidup yang selamat, sihat dan selesa baik secara fizikal, sosial mahupun psikologi.

Siti Fatimah (2005) pula menjelaskan konsep kesejahteraan hidup atau kualiti hidup ini bukan semata-mata diukur dengan nilai material sahaja seperti pemilikan rumah, kenderaan, taraf pendidikan yang tinggi tetapi ianya juga merangkumi aspek-aspek yang tidak berbentuk material seperti perasaan kasih sayang, kemesraan, rasa belas kasihan antara individu dan sentiasa berlapang dada.

Antara aspek yang paling utama dalam memberi kehidupan yang berkualiti kepada manusia secara khasnya mengandungi empat perkara iaitu politik, ekonomi, sosial dan pendidikan (Szalai & Andrews, 1980). Menurut Schmandt dan Bloomberg (1969) maksud kehidupan dari sudut yang lain ialah melibatkan aktiviti seluruh negara termasuk tabiat individu, pembangunan, sumber suka atau tidak suka dan pelbagai lagi. Ringkasnya, kehidupan mengubah setiap perkara dan setiap perwatakan sama ada melibatkan kematian atau kehidupan. Kehidupan juga menunjukkan kepada setiap perkara yang hidup dan juga proses kehidupan serta sifat dalam persekitaran. Kualiti hidup merupakan jangka waktu deskriptif yang merujuk kepada emosi manusia, sosial dan fizikal yang sihat dan keupayaan mereka untuk berfungsi dengan tugas biasa dalam kehidupan (Leplege & Hunt, 1997).

6.2 *Pemahaman Tentang Pengukuran Kualiti Hidup*

Pemahaman tentang pengukuran terutamanya dalam pengukuran kualiti hidup boleh diterjemahkan sebagai satu proses penentuan angka digit kepada sifat-sifat objek atau pun situasi berpandukan asas yang spesifik (Burn and Bush, 2005). Pengukuran kualiti hidup adalah berasaskan komponen tertentu dan akan dinilai berdasarkan angka digit yang terhasil.



Rajah 3: Komponen kualiti hidup
Sumber : Rapheal et al., 2001

Komponen kualiti hidup terdiri daripada tiga perkara utama iaitu “being”, “belonging” dan “becoming”. Komponen-komponen ini pula terdiri daripada sembilan sub komponen. Komponen being terdiri daripada sub komponen fizikal, psikologikal dan spiritual. Manakala komponen belonging terdiri daripada sub komponen fizikal, sosial dan komuniti. Komponen becoming pula terdiri daripada sub komponen praktikal, masa lapang dan pertumbuhan (Rapheal et al., 2001).


Komponen being merangkumi aspek-aspek asas sebagai seorang individu. Physical being merangkumi kesihatan fizikal termasuklah nutrisi dan keseimbangan. Ia juga berkaitan dengan mobiliti fizikal dan ketangkasan seperti kebersihan diri dan kekemasan. Psychological being adalah perasaan individu, kognisi dan penilaian individu tentang diri sendiri. Ia memfokuskan kepada penghargaan sendiri, kawalan diri dan bagaimana seseorang individu itu berhadapan dengan kebimbangan serta permulaan tingkah laku positif. Spiritual being berkenaan nilai-nilai peribadi seseorang dan standard untuk hidup, kepercayaan agama (yang mana boleh atau tidak boleh dipercayai secara semulajadinya) yang melangkaui pengalaman kehidupan seharian (contohnya melalui alam semula jadi dan muzik), meraikan peristiwa tertentu dalam hidup seperti hari lahir, kesyukuran dan sambutan kebudayaan dan keagamaan (Rapheal et al., 2001).

Physical belonging merujuk kepada hubungan seseorang dengan persekitarannya (jiran-jiran, tempat kerja, serta komuniti yang lebih besar). Sub komponen ini termasuklah perasaan mereka apabila berada di rumah dalam persekitaran itu. Selain itu, sub komponen ini merangkumi kebebasan individu untuk mempamerkan apa yang dimilikinya (aset berharga) dengan selamat. Individu itu juga berkehendakan masa untuk diri sendiri dalam persekitarannya. Social belonging adalah tentang hubungan individu itu dengan persekitarannya. Ia memfokuskan kepada perhubungan yang bermakna contohnya hubungan dengan pasangan, keluarga, rakan sekerja, jiran-jiran dan individu-individu lain yang sebangsa dan seagama. Community belonging adalah tentang rangkaian atau hubungan yang dimiliki oleh individu itu dengan sumber-sumber asas yang tersedia untuk ahli-ahli komuniti

dan masyarakat tersebut. Ini termasuklah maklumat tentang bagaimana untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik, pekerjaan, pendidikan, program-program rekreasi, perkhidmatan kesihatan dan sosial serta aktiviti-aktiviti sosial (Rapheal et al., 2001).

Practical becoming adalah berkenaan dengan sesuatu yang praktikal iaitu aktiviti harian seperti mengemas rumah, kerja-kerja sukarela, mengambil dan memberi perkhidmatan seperti perkhidmatan sosial dan kesihatan. Leisure becoming merujuk kepada masa lapang dan aktiviti rekreasi yang tidak semestinya mempunyai nilai instrumental yang ketara. Aktiviti-aktiviti sebagai biasanya untuk merehatkan fikiran, mengurangkan tekanan dan sebagai suatu “rekreasi” supaya dapat memberi keseimbangan antara pekerjaan dan aktiviti-aktiviti riadah dalam kehidupan. Ia juga melibatkan aktiviti-aktiviti yang mempunyai hubungan dalam jangka masa yang pendek (contohnya membuat sosialisasi, hal-hal di taman permainan atau rekreasi atau permainan tenis). Sama juga seperti juga aktiviti yang memerlukan jangka masa panjang contohnya bercuti. Growth becoming dalam aktiviti-aktiviti ini dapat memberi kesan atau impak kepada pembangunan individu di dalam kemahiran dan pengetahuan, samada ia melibatkan aktiviti formal dan tidak formal seperti pendidikan dan pembelajaran. Hal ini termasuk juga mempelajari maklumat baru, meningkatkan kemahiran yang sedia ada atau mempelajari sesuatu yang baru dan mengadaptasikan perubahan dalam kehidupan mereka. (Rapheal et al., 2001).

Model kualiti hidup yang baru memfokuskan kepada proses penyesuaian komuniti, program intervensi, interaksi persekitaran individu atau program peningkatan atau evaluasi (Parmenter: 1988). Model dan tafsiran yang digunakan menunjukkan kepada kualiti hidup individu yang mempunyai hubungan yang signifikan kepada tiga domain kehidupan yang utama termasuklah rumah dan tempat tinggal komuniti, sekolah dan pekerjaan, kesihatan serta kesejahteraan. Ketiga-tiga faktor ini boleh dilihat seperti rajah di bawah:



Rajah 4: Hubungan antara kualiti hidup dan tiga domain kehidupan
Sumber: Parmenter, 1988

6.3 Pemahaman Tentang Pengukuran Kualiti Hidup Di Malaysia

Mengikut pengukuran kualiti hidup di Malaysia yang berasaskan kepada beberapa indeks yang meliputi sepuluh bidang iaitu pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial dan keselamatan awam.

Komponen Kualiti Hidup Singapura	Komponen Kualiti Hidup Malaysia	Komponen Kualiti Hidup New Zealand	Komponen Kualiti Hidup Kanada
Persekitaran Politik & Sosial	Pendapatan & Pengagihan	Rakyat	Kesihatan, Persekitaran & Keselamatan Awam

Persekitaran Ekonomi	Persekitaran Kerja	Pengetahuan	Penyertaan dan Peluang Ekonomi
Sosio Kebudayaan	Pengangkutan & Komunikasi	Ekonomi Standard	Penyertaan & Keahlian Sosial
Kesihatan	Kesihatan	Kesihatan	
Pendidikan & Sekolah	Pendidikan	Pembangunan Ekonomi	
Perumahan	Perumahan	Perumahan	
Persekitaran Alam Semulajadi	Alam Sekitar	Alam Sekitar	
Rekreasi	Kehidupan Keluarga	Pembinaan	
Barang Pelanggan	Penyertaan Sosial	Hubungan Sosial	
Perkhidmatan Awam	Keselamatan Awam	Sivil & Hak Berpolitik	

7. Jangkaan Hasil Kajian

- Dapat menghasilkan model pengukuran kualiti hidup penduduk asal di wilayah Iskandar Malaysia.
- Dapat mengetahui taraf kualiti hidup penduduk di wilayah Iskandar Malaysia.
- Dapat mengenalpasti semua aspek permasalahan, kehendak dan keperluan penduduk dalam mengharungi era pembangunan Wilayah Iskandar.
- Satu dasar panduan diwujudkan dalam usaha meningkatkan taraf kualiti hidup penduduk di wilayah Iskandar Malaysia.

8. Perbincangan

Perkara yang lebih penting apabila berbicara mengenai kualiti hidup ialah persoalan mengenai kualiti hidup seseorang atau kualiti sesebuah negara. Terdapat juga tanda tanya apakah peringkat kualiti hidup yang tertinggi? Siapa yang bertanggungjawab dalam meningkatkan kualiti hidup itu sendiri? Apakah yang terkandung dalam perkataan kualiti itu sendiri? Adakah ia perlu merangkumi kesihatan yang baik, kekayaan yang melimpah ruah, kekuasaan yang tinggi, kecantikan atau kepandaian?

Pada asasnya, timbul persoalan adakah dengan penelitian kualiti hidup berdasarkan kerangka yang telah dikenalpasti itu telah membuktikan bahawa kepuasan hidup penduduk Wilayah Iskandar Malaysia telah pun dinilai sebetulnya dan apakah harapan masa hadapan untuk penduduk wilayah tersebut?. Mengikut kajian yang dilakukan oleh Graham Dann (1984), setelah mengetahui tahap kualiti hidup penduduk di sesebuah penempatan, tindakan seterusnya adalah empat perkara berikut iaitu pertama memberi fokus terhadap pengukuran kepuasan hidup. Kedua, menganalisis tahap kepuasan hidup penduduk tersebut dan bandingkan dengan tahap kepuasan hidup penduduk di sesebuah penempatan yang lain. Faktor-faktor yang berhubung dengan kualiti hidup hasil perbandingan yang telah dibuat secara keseluruhannya turut dikaji. Ketiga, faktor-faktor tersebut akan dikaji mengikut pelbagai kaedah analisis dalam mengenalpasti arah dan hubungan yang kuat dalam menilai tahap kualiti hidup. Dan perkara terakhir yang perlu dilakukan adalah penilaian kualiti hidup semasa dibandingkan dengan penilaian kualiti hidup sebelum dan penilaian kualiti hidup jangka masa akan datang.

9. Kesimpulan

Kualiti hidup meliputi segala keperluan hidup manusia dalam aspek kepuasan terhadap kebendaan, kesihatan, pendidikan, keselamatan, kepuasan keselesaan tempat tinggal dalam persekitaran yang bersih dan masyarakat yang bebas dari permasalahan, dan juga keseronokan kenikmatan dari segi estetika dan kerohanian. Kebanyakan pengkaji menghuraikan jaminan dalam kualiti hidup sepatutnya memfokuskan kepada tiga faktor iaitu keinginan individu, struktur program dan perkembangan program.

Kajian ini cuba menggambarkan betapa pentingnya pengukuran terhadap kualiti hidup terhadap penduduk di Wilayah Iskandar Malaysia secara keseluruhannya. Dengan wujudnya kajian saya ini diharap

dapat menentukan model yang sesuai untuk mengukur kualiti hidup di Wilayah Iskandar Malaysia. Seterusnya hasil daripada kajian ini diharap dapat dijadikan panduan dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk di Wilayah Iskandar Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini adalah disokong oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia iaitu di bawah geran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Begitu juga di atas komen yang diberikan yang membantu meningkatkan mutu kajian ini.

Rujukan

Hancock, T., Labonte, R., Edwards, R. (1999). "Indicators that Count! Measuring Population Health at the Community Level." *Canadian Journal of Public Health*.

National University of Singapore. (2000). *Proceedings of the Second International Conference on Quality of Life Cities: 21st Century Quality of Life*, Singapore.

Unit Perancang Ekonomi. (2011). Jabatan Perdana Menteri. "myplan-Rancangan Malaysia Ke-10".

Unit Perancang Ekonomi. (2004). Jabatan Perdana Menteri "Kualiti Hidup Malaysia".

Mahadzirah, Sulaiman, Wan Norhayati. (2008). Universiti Malaysia Terengganu Publisher. "Quality of Life : Marketing : An Introduction".

Bahagian Penerbitan Dasar Negara. (2010). Jabatan Penerangan Malaysia. "Bajet 2011".

Chua Yan Piaw (2006). "Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Buku 1 Kaedah Penyelidikan." Malaysia. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Chua Yan Piaw (2006). "Asas Statistik Penyelidikan: Buku 2 Kaedah Penyelidikan." Malaysia. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Wilayah Pembangunan Iskandar. (2007). "A World of Investment Opportunities." Johor. IRDA

Wilayah Pembangunan Iskandar. (2006). "Comprehensive Development Plan of South Johore Economic Region." Kuala Lumpur. Khazanah Nasional Berhad.

Wilayah Pembangunan Iskandar. (2006). "Investing In Iskandar." Kuala Lumpur. Khazanah Nasional Berhad.

Firdaus (2008). "Persepsi Penduduk Bumiputera Terhadap Pembangunan Iskandar Malaysia (IM)" Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Khazanah Nasional Berhad (2006). *Comprehensive Development Plan for South Johore Economic Region*, 2006.

Rahiman (2008). "Slide Presentation About IDR at UTHM". Iskandar Region Development Authority